

**PBS OGOS 2017**  
**BAHASA MELAYU PEMAHAMAN TAHUN 2**  
MASA : 1 Jam 15 Minit

Nama: \_\_\_\_\_ ( )  
Kelas: 2 ( )

Pencapaian: /50  
Tarikh : 31/07/2017

Bahagian A  
(20 markah)

Soalan 1 hingga 16

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Murid-murid belajar \_\_\_\_\_ yoyo Cina semasa menjalani aktiviti kokurikulum.  
A. memainkan                                   C. pemain  
B. dimainkan                                   D. bermain
  
2. \_\_\_\_\_ kompong akan diadakan di dewan sekolah.  
A. Latih   C. Berlatih  
B. Latihan                                       D. Melatih
  
3. Kita perlu \_\_\_\_\_ pemimpin negara yang banyak berjasa.  
A. hormati                                      C. berhormat  
B. kehormat                                     D. terhormat
  
4. Yoyo Cina ialah sejenis permainan tradisional kaum \_\_\_\_\_.  
A. Melayu                                        C. India   D. Sikh
  
5. Makanan yang dihidangkan sangat \_\_\_\_\_.  
A. segak                                        C. lazat   D. cantik


Soalan 6 berdasarkan gambar.



6. Aina \_\_\_\_\_ ucapan "Selamat Hari Lahir Nenek" dengan menggunakan komputer.
- A. mewarna
  - B. menulis
  - C. menaip
  - D. melukis

7. Puan Haida mencuci baju Melayu suaminya supaya berbau \_\_\_\_\_.
- A. busuk
  - B. lembut
  - C. halus
  - D. wangi


Soalan 8 berdasarkan gambar.



8. Mei Ling mendapat hadiah baju \_\_\_\_\_.  
A. ceongsam      B. samfu      C. sari      D. kebaya

9. Pilih **ayat tunggal**.
- A. Beego dan Siti pergi ke rumah Kamala.
  - B. Puan Kaur memakai baju Punjabi atau salwar kamiz.
  - C. Kompong ialah sejenis alat muzik tradisional orang Melayu.
  - D. Wira Negara banyak berjasa kerana mempertahankan negara daripada ancaman musuh.

Soalan 10 berdasarkan gambar.



10. Beng Hock menangis \_\_\_\_\_ terjatuh dari basikalnya.  
A. sambil      B. atau      C. dan      D. kerana

11. Pilih ejaan yang **salah**

- A. berwarna      C. agama  
B. teradisional      D. perkahwinan

12. Mohan dan Kavita \_\_\_\_\_ lalu pulang ke rumah.  
A. anak yatim      C. minta diri  
B. berat tulang      D. anak kandung

13. Pilih ayat tanya yang betul berdasarkan jawapan yang diberi.

Nenek menggunakan beras atau sagu untuk membuat kolam.


- A. Bilakah nenek membuat kolam?  
B. Di manakah nenek membuat kolam?  
C. Mengapakah nenek membuat kolam?  
D. Apakah bahan yang digunakan oleh nenek untuk membuat kolam?

14. \_\_\_\_\_ kah pakaian tradisional orang Melayu?  
A. Apa      B. Bila      C. Siapa      D. Mengapa

15. Pilih ayat perintah.

- A. Amboi, cantiknya Farhana berbaju Kebaya!
- B. Sila pakai uniform sekolah atau pakaian sukan.
- C. Di manakah pertunjukan yoyo Cina akan diadakan?
- D. Latihan kompaung akan bermula pada pukul 3.00 petang.

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.



16. Siva sedang \_\_\_\_\_ rancangan televisyen kesukaannya.

- A. membeli
- B. membaca
- C. melihat
- D. menonton

### Soalan 17-20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari ini Hari Raya Aidilfitri. Setiap tahun, Hari Raya Aidilfitri disambut pada bulan Syawal. Hari Raya Aidilfitri disambut oleh orang Islam.

Pada Hari Raya Aidilfitri, umat Islam akan bermaaf-maafan dan saling mengunjungi antara satu dengan yang lain. Terdapat pelbagai jenis makanan dihidangkan pada Hari Raya Aidilfitri. Antaranya ketupat, rendang, pelbagai jenis biskut dan lain-lain lagi.

Umat Islam akan memakai pakaian baharu pada Hari Raya Aidilfitri. Mereka semua berasa **gembira** pada Hari Raya Aidilfitri.

17. Bilakah Hari Raya Aidilfitri disambut?

- A. Hari Syawal
- B. Bulan Syawal
- C. Tahun Syawal
- D. Minggu Syawal

18. Siapakah yang menyambut Hari Raya Aidilfitri?

- A. Orang Cina
- B. Orang India
- C. Orang Islam
- D. Rakyat Malaysia

19. Hidangan berikut dihidangkan pada Hari Raya Aidilfitri, **kecuali**

- A. Roti
- B. Biskut
- C. Rendang
- D. Ketupat

20. Perkataan "**gembira**" dalam petikan bermaksud

- A. sedih
- B. marah
- C. kecewa
- D. seronok

Nama: \_\_\_\_\_ ( )  
Kelas: 2 ( )

Bahagian B  
(30 markah)

Soalan 21

a. Pilih respon yang sesuai bagi dialog di bawah.

Baiklah, Nora. Abang akan  
tolong Nora tiup belon ini.

Baiklah, Nora. Kakak akan  
tolong Nora tiup belon ini.

Nora: Kakak, tolong Nora tiup belon ini.

Kakak: \_\_\_\_\_

(2 markah)

b. Tulis **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya: \_\_\_\_\_

Jawapan: Kanang anak Langkau dilahirkan pada 2 Mac 1945.

(2 markah)

c. Gabungkan ayat tunggal di bawah menjadi **ayat majmuk**.

Ayat tunggal

untuk

Kempen Derma Hari Pahlawan akan diadakan.

Kempen Derma Hari Pahlawan menghargai jasa perwira  
negara.

Ayat majmuk

\_\_\_\_\_ (2 markah)

Soalan 22

a. Tandakan (✓) pada maksud simpulan bahasa yang betul.

i. Ibu sering menegur Aiman kerana dia **berat tulang**.

malas mandi	(      )
malas bekerja	(      )

ii. Bapa Devi mengundang **anak yatim piatu** ke rumah terbuka pada Hari Deepavali.

anak sendiri	(      )
anak yang kematian ibu bapa	(      )

(2 markah)

b. Tulis semula ayat di bawah menggunakan **tanda baca** yang betul.

Apakah nama pakaian tradisional lelaki india

(2 markah)

### Soalan 23

Baca petikan dengan teliti. Kemudian, lengkapkan jadual.

Rosli Dhoby dilahirkan di Sibu, Sarawak pada tahun 1932. Rosli Dhoby seorang perwira atau pahlawan berketurunan Melanau yang gagah dan berani. Beliau berani menentang pihak British semasa umurnya 16 tahun.

Beliau melawan tentera British kerana mereka menjajah negeri Sarawak. Beliau amat berjasa kerana mempertahankan negeri.

Nama	
Tempat Lahir	
Tahun Lahir	
Bangsa	
Jasa	

(5 markah)

### Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hari Ahad yang lalu, keluarga Steven bergotong-royong membersihkan halaman rumah. Selepas bersarapan, mereka memulakan kerja membersihkan halaman rumah.

Ayah memotong rumput yang panjang dengan mesin pemotong rumput manakala abang mencuci longkang. Steven menolong kakak menyapu daun kering. Emak pula menyusun pasu bunga supaya kelihatan cantik dan tersusun.

Mereka bekerjasama bagai aur dengan tebing. Tidak lama kemudian, halaman rumah Steven menjadi bersih dan ceria.

a. Steven dan keluarganya membersihkan halaman rumah pada hari \_\_\_\_\_ yang lalu.

(1 markah)

b. Bilakah mereka memulakan kerja membersihkan halaman rumah?

---

---

(2 markah)

c. Apakah yang digunakan oleh ayah Steven untuk memotong rumput yang panjang?

---

---

(2 markah)

d. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah berdasarkan petikan.

Pasu bunga disusun oleh emak Steven.	
Steven membersihkan halaman rumah pada waktu petang.	

(2 markah)

e. Pada pendapat anda, apakah nilai murni yang terkandung dalam petikan di atas?

---

---

(2 markah)

Soalan 25

Baca pantun di bawah dan jawab soalan-soalan berikut.

Cikgu Nadira guru disiplin,  
Datuk gembira meniup lilin.  
  
Encik Kadir memetik longan,  
Mereka yang hadir bertepuk tangan.  
  
Cikgu Gulam guru sempoa,  
Datuk bersalam dengan semua.  
  
Puan Fatima ke rumah ayah,  
Datuk terima banyak hadiah.

a. Siapakah guru disiplin?

---

(2 markah)

b. Apakah yang dilakukan oleh mereka yang datang?

---

(2 markah)

c. Apakah yang diterima oleh datuk?

---

(2 markah)

**Jawapan**

1. D
  2. B
  3. A
  4. B
  5. C
  6. C
  7. D
  8. A
  9. C
  10. D
  11. B
  12. C
  13. D
  14. A
  15. B
  16. D
  17. B
  18. C
  19. A
  20. D
21. (a) Baiklah, Nora. Kakak akan tolong Nora tiup belon ini.  
(b) Bilakah Kanang anak Langkau dilahirkan?  
(c) Kempen Derma Hari Pahlawan akan diadakan untuk menghargai jasa perwira negara.
22. (a) i. malas berkerja ii. anak yang kematian ibu bapa  
(b) Apakah nama pakaian traditional lelaki India ?
23. Nama : Rosli Dhoby  
Tempat Lahir : Sibu, Sarawak  
Tahun Lahir: 1932  
Bangsa: Melanau  
Jasa: mempertahankan negeri
24. (a) Ahad  
(b) Selepas bersarapan  
(c) mesin pemotong rumput  
(d) ✓ , X  
(e) berkerjasa /...
25. (a) Cikgu Nadira  
(b) bertepuk tangan  
(c) datuk terima banyak hadiah